

# UMS turut bantu mangsa kebakaran

Oleh ABD NADDIN  
HJ SAIDDIN

UB 12.6.2016 A3

KOTA KINABALU: Pelbagai pihak tampil menghulurkan bantuan kepada lebih 2,000 mangsa kebakaran dalam tragedi 23 Mei di Kampung Landung Ayang Kudat.

Turut tidak ketinggalan ialah Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), UMS serta Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas), UMS yang turun padang memberikan sumbangan berbentuk keperluan asas seperti minuman dan makanan kepada mangsa kebakaran berkenaan.

Naib Canselor, UMS, Prof. Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berharap dengan bantuan itu

mampu meringankan beban yang kehilangan harta benda akibat kebakaran itu sempena bulan Ramadan ini.

"Kami faham bukan senang untuk mangsa menerima keadaan ini lebih-lebih lagi berhadapan dengan bulan Ramadan seterusnya Syawal yang bakal menjelang," katanya.

"UMS sangat prihatin terhadap musibah yang menimpa penduduk di kampung ini, sebagai makluman, kita di UMS bukan sahaja menjalankan kegiatan akademik semata-mata, tetapi turut menjalankan tanggungjawab sosial melalui program bantuan khidmat masyarakat seperti yang dijalankan pada hari ini," tambahnya lagi.

Menurutnya lagi, selepas mendapat berita tentang kebakaran yang berlaku, usaha untuk

membuat kutipan ini dikongsi melalui laman sosial facebooknya dan kumpulan-kumpulan yang terdapat dalam aplikasi whatsapp yang memberikan bantuan dan sumbangan termasuk barangan dan wang tunai untuk diserahkan kepada mangsa.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor HEPA UMS, Prof. Madya Dr. Ismail Ali turut melahirkan rasa simpati kepada mangsa kebakaran ini.

"Kami berasa sedih dan simpati atas kejadian yang berlaku di kampung ini. Kami di Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UMS sentiasa prihatin dengan isu semasa yang berlaku terutamanya melibatkan seorang pelajar kami di UMS," tegasnya.

Bantuan turut diberikan kepada keluarga pelajar Siti Badariah Abdul Pattah, di kediaman Makcik beliau di Kampung Tanjung Kapur, Kudat yang terlibat dengan kebakaran itu.

Bantuan berupa makanan dan wang ringgit bagi membantu Siti Badariah meneruskan pengajian di UMS.

"Kami warga UMS turun padang ke kampung ini pada hari ini merupakan inisiatif UMS untuk membantu komuniti yang memerlukan," tambahnya lagi.

Rombongan yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Ismail Ali, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) mewakili Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah dan Azmi Jumat, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS.



(Gambar atas) SEORANG pelajar UMS Siti Badariah yang terlibat dalam kebakaran turut menerima bantuan.

(Gambar bawah) UMS turun padang memberikan bantuan kepada mangsa kebakaran.

